

PELANCONGAN GUNUNG: SUATU TINJAUAN KONSEPTUAL DAN PEMBANGUNANNYA DI MALAYSIA

MOUNTAIN TOURISM: A CONCEPTUAL OVERVIEW AND ITS DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Arnold Samih¹
Jabil Mapjabil²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel : rnold_gonod@yahoo.com)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
(E-mel : jabil@ums.edu.my)

Article history

Received date : 19-11-2020
Revised date : 20-11-2020
Accepted date : 21-12-2020
Published date : 23-12-2020

To cite this document:

Arnold Samih & Jabil Mapjabil (2020). Pelancongan gunung: Suatu tinjauan konseptual dan pembangunannya di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 52 - 58.

Abstrak: *Pelancongan merupakan salah satu industri yang besar, pantas berkembang dan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak di serata dunia. Kini, banyak negara telah memajukan industri pelancongan sebagai sektor utama penjana pendapatan negara. Di Malaysia, industri pelancongan muncul pada akhir tahun 1960. Kerajaan Malaysia telah membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti meningkatkan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan rakyat, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan. Sehingga kini, sektor ini terus menjadi sumber utama tukaran mata wang asing negara. Pelancongan gunung ialah semua aktiviti pelancongan di kawasan pergunungan. Bentuk muka bumi tanah tinggi di kawasan pedalaman Malaysia menjadi faktor utama pembangunan pelancongan gunung negara. Aktiviti pelancongan gunung dapat meningkatkan status ekonomi dan sosial penduduk melalui penyediaan peluang pekerjaan dan pendapatan dalam sektor perkhidmatan, pengukuhan tradisi dan budaya pribumi serta menyediakan aktiviti rekreasi sepanjang tahun. Dalam konteks pelancongan gunung di Malaysia, isu pembangunan kawasan tanah tinggi sebagai kawasan pelancongan telah banyak dikaji. Walau bagaimanapun, istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh mana-mana penyelidik tempatan. Sorotan konsep dan teoritikal ini diharap menjadi asas dan rujukan berguna untuk pengkajian lanjutan tentang pelbagai isu berkaitan pelancongan gunung di Malaysia.*

Kata Kunci: Gunung, konsep, pelancongan, pelancongan gunung, teoritikal

Abstract: *Tourism is one of the biggest and fastest growing industries that has created millions of jobs opportunities worldwide. Presently, most countries have increasingly ameliorate their tourism sector to be a major generator of their revenue. In Malaysia, the tourism industry started in the late 1960s. The Malaysian government has expanded its tourism industry as a tool to achieve several objectives namely; to increase its income through foreign currency*

exchange, to create job opportunities which would provide the sustainability of its people livelihood, to encourage areas of locality to be developed, to create multidimensional economy and thus to enhance the productivity of the country. Up to the present, this sector has still been the major player in the foreign currency exchange department. Mountain tourism is any tourism activity which takes place specific to mountain areas. Highlands areas at large in the interior regions of Malaysia primarily project the pace of the development of the mountain tourism. The activities that are encompassed by Mountain Tourism undeniably enhance the socio economies status of the people. Economy wise, this can be achieved through job opportunities and source of income in the service sector and by the provisions of all year long tourism activities. On the other hand, Mountain tourism encourages the preservation and practice of the people's culture and traditions. In Malaysian context, although numerous studies have been conducted on highlands as tourism spots, the term mountain tourism is still foreign to local researchers. It is hope that, this concept and theoretical overview can serve as a foundation and useful reference in further researches pertaining issues of mountain tourism in Malaysia.

Keywords: Mountain, concept, tourism, mountain tourism, theoretical

Pengenalan

Pelancongan merupakan salah satu industri yang besar dan berkembang paling pantas di dunia. Untuk itu, kebanyakan negara terutamanya yang sedang membangun telah memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama dalam menjana pendapatan negara. Selain itu, industri pelancongan merupakan bidang ekonomi dan pengaruh sosial yang utama di dunia (Mathieson & Wall, 1982). Dalam konteks dunia hari ini, seiring dengan kepesatan pembangunan dan penyelidikan terhadap pelancongan alternatif pada awal tahun 1990-an, beberapa tarikan pelancongan minat khas mula berkembang di seluruh dunia. Kesedaran terhadap alam sekitar di peringkat global mendorong kepada kemunculan beberapa konsep pelancongan seperti ekopelancongan, pelancongan lestari, pelancongan tanah tinggi, pelancongan pulau dan pelancongan marin (Jabil, 2014). Sehubungan dengan itu, muncul beberapa sub pelancongan yang dianggap sebagai pemangkin ekonomi kepada sesebuah negara antaranya pelancongan gunung.

Kawasan pergunungan merupakan destinasi pelancongan kedua popular selepas pantai dan kepulauan (UNEP (2007), dengan menjana 15 - 20 peratus daripada jumlah pendapatan pelancongan global tahunan atau 70 hingga 90 bilion dolar Amerika setahun (Siti Hajar et al., 2015). Pelancong tertarik dengan destinasi pergunungan atas pelbagai sebab seperti cuaca, udara yang segar, landskap dan hidupan liar yang unik, pemandangan yang indah, budaya tempatan, warisan sejarah, ketersediaan aktiviti dan sukan berasaskan salji dan alam semula jadi. Di sesetengah negara khususnya di Nepal, pelancongan gunung adalah bentuk pelancongan alternatif yang popular dan telah dibangunkan sejak dahulu lagi.

Pelancongan gunung merupakan salah satu segmen pelancongan alternatif yang mempunyai kelompok pengkaji dan pengamalnya sendiri. Dalam beberapa literatur di peringkat antarabangsa, banyak kajian berkaitan pelancongan gunung (Richins & Hull, 2016; Pickering & Hill, 2007; Fredman, 2008). Bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, penggunaan istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan dalam mana-mana kajian sebelumnya.

Kebanyakan sarjana tempatan menggunakan istilah pelancongan tanah tinggi dalam kajian mereka (Jabil, 2010; Hanifah, 2014; Wan Suzita, 2016; Toh et al., 2012).

Dengan wujudnya bentuk muka bumi yang unik dan bergunung-ganang di kawasan pedalaman, Malaysia mempunyai potensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung yang terkemuka di peringkat antarabangsa. Tambahan pula, jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Pada tahun 2019, Malaysia mencatatkan ketibaan pelancong seramai 26.10 juta orang dengan hasil pendapatan sebanyak RM86.1 bilion (Tourism Malaysia, 2020). Malahan, Organisasi Pelancongan Dunia (WTO) mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-12 paling ramai dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2016.

Pelancongan Gunung: Takrif dan Konseptual

Secara umumnya, pelancongan merujuk kepada seseorang atau sekumpulan individu yang keluar dari tempat kediaman asal buat sementara waktu untuk pelbagai tujuan (Jabil, 2014). Di sepanjang perjalanan, pelbagai tempat akan dilawati dan jadual lawatan biasa telah dirancang (Mathieson & Wall, 1991). Mereka ini terdiri daripada pelancong antarabangsa yang menetap sekurang-kurangnya 24 jam dan pelancong domestik yang meninggalkan tempat kediamannya buat sementara waktu dalam tempoh kurang daripada 24 jam (WTO, 1981). Mereka biasanya melawat atau berkunjung ke sesuatu tempat khusus untuk meninjau dan menikmati keindahan kawasan berkenaan, melawat rakan taulan serta saudara-mara dan untuk bercuti (Goeldner & Ritchie, 2006). Salah satu contoh destinasi yang dituju adalah kawasan pergunungan.

Kawasan pergunungan merangkumi kira-kira 24 peratus daripada keseluruhan permukaan tanah, meliputi setiap benua yang melibatkan 139 buah negara dan dalam semua jenis ekosistem utama dunia dari kawasan gurun panas, hutan tropika sehinggalah ke kawasan yang diliputi ais (Keller, 2014). Semua kawasan pergunungan mempunyai satu kesamaan ciri-ciri utama iaitu perubahan drastik iklim, jenis tumbuhan dan tanah pada setiap ketinggian dalam jarak yang sangat dekat (UNEP, 2007). Keadaan ini membawa kepada perbezaan dramatik terhadap habitat dan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Oleh kerana kepelbagaian keadaan ini, sukar untuk membangunkan definisi standard gunung. Misalnya, UNEP (2007) sekadar mentakrifkan gunung sebagai bentuk muka bumi yang mempunyai ketinggian lebih daripada 300 meter atau 984 kaki dari paras laut. Sementara itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009), mentakrifkan gunung sebagai tanah-tanah yang mempunyai kedudukan lebih dari 1,000 meter dari paras muka laut. Keunikan, keindahan alam sekitar, khazanah tinggalan sejarah, iklim yang sejuk dan habitat flora serta fauna menjadi punca utama kawasan pergunungan berpotensi sebagai destinasi pelancongan utama pada masa kini. Contohnya di negara Nepal, Gunung Everest dan Annapurna menjadi destinasi aktiviti mendaki dan kembara gunung yang sangat popular di dunia. Destinasi pelancongan ini dikenali sebagai pelancongan gunung.

Pelancongan gunung adalah sejenis aktiviti pelancongan yang berlaku dalam satu definisi dan ruang geografi yang terhad seperti bukit atau gunung dengan beberapa ciri dan sifat tersendiri seperti landskap, topografi, iklim, biodiversiti (flora dan fauna) dan komuniti setempat (WTO, 2013). Pelancongan gunung biasanya dikaitkan dengan apa sahaja aktiviti pelancongan yang berlaku di kawasan pergunungan. Ia merupakan fenomena pelbagai aspek yang dapat meningkatkan status ekonomi penduduk di kawasan pergunungan melalui penyediaan peluang pekerjaan dan pendapatan dalam sektor perkhidmatan, pengukuhan tradisi dan budaya peribumi

serta menyediakan aktiviti rekreasi sepanjang tahun seperti sukan salji, mendaki, aktiviti berbasikal, pelancongan kebudayaan dan ziarah (Godde et al., 2000). Ringkasnya, pelancongan gunung melibatkan perjalanan seseorang ataupun sekumpulan individu keluar daripada rumah untuk masa yang singkat tetapi tidak kurang daripada 24 jam ke kawasan pergunungan atas pelbagai tujuan dan niat.

Pola Taburan Pelancongan Gunung di Malaysia

Lokasi aktiviti pelancongan gunung yang utama di Malaysia terletak di 19 kawasan banjaran gunung di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010) membahagikan pola pelancongan tanah tinggi di Malaysia kepada tiga kawasan iaitu zon utara Semenanjung Malaysia, zon tengah Semenanjung Malaysia dan zon Malaysia Timur. Terdapat empat kawasan pelancongan tanah tinggi di zon utara Semenanjung Malaysia iaitu Gunung Mat Chincang dan Gunung Jerai di Kedah, Bukit Bendera di Pulau Pinang dan Bukit Larut di Taiping, Perak. Zon tengah Semenanjung Malaysia turut mempunyai empat kawasan pelancongan utama iaitu Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Tinggi dan Genting Highlands yang semuanya terletak di negeri Pahang. Manakala pelancongan gunung bagi zon Malaysia Timur ialah Taman Negara Mulu (Gunung Mulu) di Sarawak, Taman Negara Kinabalu (Gunung Kinabalu) dan Banjaran Trusmadi (Gunung Trusmadi) di Sabah (Jadual 1).

Jadual 1: Banjaran gunung dan lokasi utama aktiviti pelancongan gunung di Malaysia

Kawasan	Lokasi utama aktiviti pelancongan gunung
Zon utara Semenanjung Malaysia	Gunung Mat Chincang Gunung Jerai Bukit Bendera Bukit Larut
Zon tengah Semenanjung Malaysia	Cameron Highlands Bukit Fraser Bukit Tinggi Genting Highlands
Zon Malaysia Timur	Taman Negara Mulu (Gunung Mulu) Taman Negara Kinabalu (Gunung Kinabalu) Banjaran Trusmadi (Gunung Trusmadi)

Sumber: Diubah suai daripada Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010).

Pembangunan Pelancongan Gunung di Malaysia

Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia mula membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Ghazali, 2000). Pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan turut diiktiraf sebagai salah satu strategi paling efisien dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti kawasan pedalaman dan terpencil.

Sejak kebelakangan ini, isu-isu gunung telah menjadi fokus utama dalam dasar polisi banyak agensi tempatan, antarabangsa dan kerajaan (Godde et al., 2000). Atas usaha untuk meningkatkan kesedaran sejagat tentang isu-isu pergunungan dan pelancongan, tahun 2002 telah diisytiharkan sebagai Tahun Pergunungan Antarabangsa dan Tahun Ekopelancongan Antarabangsa. Di Malaysia, pembangunan dan kajian tentang pelancongan gunung masih

dianggap baharu dan semakin mendapat perhatian sejak lebih sedekad yang lalu. Sebelum konsep pelancongan gunung popular, kebanyakan aktiviti berkaitan dengannya seperti mendaki, kembara gunung dan aktiviti rekreasi dikaitkan dengan pelancongan luar bandar, ekopelancongan dan pelancongan tanah tinggi.

Kejadian gempa bumi di Kundasang, Sabah pada 5 Jun 2015 berkekuatan 5.9 pada skala Richter yang menyebabkan 18 orang pendaki terkorban di Gunung Kinabalu dan kejayaan penganjuran secara tahunan kejohanan *Mount Kinabalu International Climbathon* (MKIC) sejak kali pertama pada tahun 1987 telah melonjakkan ikon pelancongan gunung di Malaysia. Kejohanan MKIC di Taman Kinabalu telah dipilih sebagai salah satu daripada lokasi kejohanan *Skyrunner World Series*, iaitu acara sukan larian gunung terunggul di dunia. Kejohanan MKIC merupakan satu-satunya acara *skyrunning* yang berlangsung di luar benua eropah (Balvinder, 2014).

Dengan kata lain, pelancongan gunung di Malaysia semakin mendapat tempat dalam kalangan penggemar aktiviti pelancongan di kawasan tanah tinggi. Terdapat banyak lokasi yang terkenal dengan pelbagai aktiviti pelancongan gunung di Malaysia. Kawasan pergunungan di Malaysia menarik kedatangan pelancong tempatan dan pelancong asing disebabkan pemandangan tanah tinggi negara yang menakjubkan selain menawarkan aktiviti mendaki puncak gunung yang mencabar. Prospek pelancongan gunung dalam konteks ekonomi negara amat tinggi. Perkara ini dapat diterjemahkan dalam Jadual 2 yang menunjukkan pembangunan pelancongan gunung di Malaysia.

Jadual 2: Pembangunan pelancongan gunung di Malaysia

Bil.	Perkara
1	Kejohanan <i>Mount Kinabalu International Climbathon</i> menerima penyertaan lebih dari 40 negara sejak pertama kali dianjurkan pada tahun 1987 (Balvinder, 2014).
2	Di Gunung Kinabalu sahaja, terdapat 286 orang berkerja sebagai malim gunung sehingga Mac 2020 (PEMANGKINA, 2020).
3	Kemasukan seramai 904,899 orang pelancong pada tahun 2015 meningkat kepada 1,431,776 orang pelancong pada tahun 2019 di Cameron Highlands (Tourism Pahang, 2020).
4	Berpandukan takrifan gunung oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009), didapati terdapat lebih 30 puncak gunung menjadi destinasi pelancongan gunung di seluruh Malaysia.
5	Malaysia mempunyai garis panduan perancangan pembangunan yang jelas untuk merancang dan mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah berbukit, tanah tinggi, lereng bukit dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2009).
6	Lebih 150 permis penginapan (hotel, <i>homestay</i> , dan lain-lain jenis penginapan) beroperasi di sekitar Taman Negara Kinabalu, Kundasang, Sabah (StayList, t.th.).

Kesimpulan

Pelancongan gunung adalah salah satu daya tarikan pelancong minat khas yang utama ke Malaysia. Keberkesanan penyampaian informasi pelancongan gunung di Malaysia perlu dipertingkatkan sejajar dengan potensi bentuk muka bumi tanah tinggi yang menarik di negara ini. Dalam konteks pembangunan pelancongan gunung di Malaysia, isu pembangunan kawasan tanah tinggi dalam bidang pelancongan telah pun banyak dikaji. Bagaimanapun, penelitian

kajian lepas melalui pelbagai medium mendapati istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh sarjana tempatan dalam konteks pelancongan di Malaysia. Oleh itu, adalah diharapkan konsep pelancongan gunung yang diperjelaskan dalam tinjauan konseptual ini boleh dijadikan asas dan panduan berguna kepada mereka yang ingin membuat penyelidikan tentang pelancongan gunung.

Rujukan

- Balvinder Kaur Kler. (2014). Profil dan peranan pemegang taruh dalam kejayaan penganjuran Mount Kinabalu International Climbaton. Dalam Jabil Mapjabil (ed.). *Pelancongan Sukan: Konsep dan Kajian Kes*. Penerbit UTHAM, Batu Pahat, Johor.
- Fredman, P. (2008). Determinants of visitor expenditures in mountain tourism. *Tourism Economics*, 14(2), 297-311.
- Ghazali Musa. (2000). Tourism in Malaysia. In Michael Hall & Stephen Page (Eds.), *Tourism in South and South East Asia: Issues and cases* (pp.144-156). Butterworth- Heinemann, Auckland.
- Godde, P. M., Price, M. F. & Zimmermann, F. M. (2000). *Tourism and Development in Mountain Regions*. CABI Publishing, United Kingdom.
- Goeldner, C.R. & Ritchie, J.R.B. (2006). *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. (10th ed.). John Wiley & Sons Inc., Hoboken, New Jersey.
- Hall, C. M. & Page, S. (2005). *The Geography of Tourism and Recreation Environment Place and Space*. 3rd Edition. Routledge and Taylor Francis Group, United Kingdom.
- Hanifah Abd Talib. (2014). Potensi Cameron Highlands sebagai destinasi ekopelancongan. *Hutan pergunungan Cameron Highlands: Pengurusan, persekitaran fizikal dan kepelbagaian biologi*,17-22.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2009). *Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabil Mapjabil & Mohd. Khairuddin Mohad Sallehuddin. (2010). Pelancongan tanah tinggi di Malaysia: Potensi dan prospek. Dalam Yazed Salleh, Fauziah Ceh Leh, Mazdi Marzuki (eds.). *Isu-isu Semasa Alam Sekitar di Malaysia*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Jabil Mapjabil. (2014). *Pelancongan Sukan: Konsep dan Kajian Kes*. Penerbit UTHM, Batu Pahat, Johor.
- Keller, P. (2014). Mountainlikers: New trends of mountain tourism for the summer season. *8th World Congress on Snow and Mountain Tourism*. Andorra-la-Vella, Principality of Andorra, 9–10 April 2014.
- Kerajaan Negeri Pahang. (2015). *Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser 2016*. Pelancongan Negeri Pahang.
- Kruk, E & Banskota, K. (2007). *Mountain tourism in Nepal: From impacts to sustainability*. International Centre for Integrated Mountain Development, Khumaltar, Nepal.
- Mathieson, A. & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman, London.
- Mathieson, A. & Wall, G. (1991). *Pelancongan Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial*. Terj. Abdul Kadir Hj. Din. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Md Shafiin Shukor, Norlida Hanim Mohd Salleh & Siti Hajar Mohd Idris. (2017). An evaluation of the effects of motivation, satisfaction on destination loyalty: Case study Tourism Malaysia. *International Journal of Social Sciences Management*, 4(2),137-147.

- Nepal S. & Chipeniuk, R. (2005). Mountain tourism: towards a conceptual framework. *Tourism Geographies*, 7(3),313-333.
- PEMANGKINA. (2020). *Senarai Malim Gunung Kinabalu Fasa 1 dan Fasa 2 tahun 2020*. Persatuan Maling Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu.
- Pickering, C.M. & Hill, W. (2007). Impacts of recreation and tourism on plant biodiversity and vegetation in protected areas in Australia. *Journal of Environmental Management* 85(4), 791-800.
- Siti Hajar Mohd Taher, Salamiah A. Jamal, Norzuwana Sumarjan & Norliza Aminudin. (2015). Examining the structural relations among hikers' assessment of pull-factors, satisfaction and revisit intentions: The case of mountain tourism in Malaysia. *Journal of Outdoor Recreation and Tourism*, 12: 82-88.
- StayList. (t.th.). Homestay dan Penginapan di Kundasang. <https://stay-list.com/ms/a-Malaysia/a-Sabah/a-Kundasang/>. Diakses pada 22 Disember 2020.
- Toh Pei Sung, Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, Justin Sentian & Ramzah Dambul. (2012). Developing and promoting a highland community livelihood for sustainable tourism: The case of Kg. Bundutuhan, Ranau, Sabah. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 8(5), 94-99.
- Tourism Malaysia. (2020). Malaysia Tourism Statistics in Brief. <https://www.tourism.gov.my/statistics>. Diakses pada 22 Disember 2020.
- Tourism Pahang. (2020). Statistik kedatangan pelancong januari - disember 2019. <http://www.pkb.gov.my/index.php/ms/sumber/muat-turun/statistik/file/222-statistik>. Diakses pada 22 Disember 2020.
- UNEP. (2007). *Tourism and Mountains A Practical Guide to Managing the Environmental and Social Impacts of Mountain Tours*. United Nations Environment Programme, Paris.
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh. (2016). Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14): 97-112.
- WTO. (1981). *Guidelines for the Collection and Presentation of Domestic and International Tourism Statistics*. Madrid, Spain: Author.
- WTO. (2013). *UNWTO Tourism Highlights: 2013 Edition*. UNWTO, Madrid.